

# Kali kedua letak jawatan MB Kedah

Akui hilang sokongan, Mukhriz lepas jawatan Menteri Besar Kedah serta-merta

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR



Mukhriz (tengah) bersama sebahagian pemimpin PH Kedah selepas sidang media mengenai peletakan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah di Wisma Darul Aman, Alor Setar semalam.

**D**atuk Seri Mukhriz Mahathir semalam mengumumkan peletakan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah berkuat kuasa serta-merta.

Mukhriz yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Hitam berkata, beliau hilang kepercayaan majoriti ADUN melalui undian sulit di hadapan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah semalam.

Beliau turut mengumumkan peralihan kuasa kerajaan negeri Pakatan Harapan (PH) Kedah kepada Perikatan Nasional (PN) dan kedudukan semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) turut gugur.

“Saya juga sudah maklumkan melepaskan jawatan Menteri Besar kepada Sultan Kedah pagi tadi (semalam),” katanya pada sidang media di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Darul Aman di sini semalam.

Menteri Besar Kedah ke-13 itu hilang sokongan majoriti selepas enam ADUN PH beralih menyokong PN pada awal minggu ini.

Ini kali kedua beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah selepas kali pertama pada Februari 2016 ketika bersama UMNO.

Sementara itu, Mukhriz berkata, pergolakan politik kepartian menyebabkan dua ADUN daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) meninggalkan PH menyebabkan gabungan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dan PH hilang majoriti dalam DUN Kedah.

“Selepas itu, empat lagi ADUN Bersatu menerima arahan daripada Presiden Bersatu untuk lompat kepada PN yang

menyaksikan PN mempunyai 23 kerusi berbanding 13 daripada PH termasuk dua daripada Bersatu,” katanya.

Awal minggu lalu, empat ADUN Bersatu memberi sokongan kepada PN Kedah iaitu Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail (Gua Tempedak), Halimatun Shaadian Saad (Bukit Kayu Hitam), Mohd Firdaus Ahmad (Kuah) dan Juhari Bulat (Ayer Hangat).

Sebelum itu, dua ADUN daripada PKR mengumumkan keluar parti iaitu Azman Nasrudin (Lunas) dan Dr Robert Ling Kui Ee (Sidam).

Mukhriz turut mengumumkan beliau melepaskan jawatan sebagai Presiden Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA) berkuat kuasa serta-merta.